

**KAJIAN TAHAP PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN  
NEGARA DI KALANGAN PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

**UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA  
TINGKAT 2, BLOK D  
KOMPLEKS PERDANASISWA  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**TAHUN 2006**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Kajian Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara di Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi**

*Disediakan oleh:*  
*Unit Perundingan Universiti Malaya*

#### **1.0 PENGENALAN**

Perpaduan di kalangan rakyat hasil dari pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara amat penting bagi mengekalkan keharmonian masyarakat Malaysia yang majmuk serta kestabilan politik negara di dalam arus pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Oleh yang demikian, amat penting bagi semua rakyat dapat memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara terutamanya golongan mahasiswa yang merupakan pemimpin generasi masa hadapan.

Sehubungan itu, Kajian Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara di Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi ialah satu kajian yang akan mendekati pelajar di institut pengajian tinggi untuk mengkaji sejauh mana mereka benar-benar memahami, merasai dalam hati dan mengamalkan kesemua prinsip Rukun Negara berdasarkan indikator dan kriteria yang dipilih.

Pelajar di institusi pengajian tinggi/mahasiswa diberi fokus dalam kajian ini memandangkan mereka mempunyai amanah besar yang harus dipikul apabila mereka meneraju pucuk kepimpinan generasi akan datang. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran tentang tahap pencapaian pemahaman, penghayatan dan pengamalan mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara dan sekaligus cadangan-cadangan di dalam laporan ini dapat diterapkan di dalam kehidupan masyarakat.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

- Kajian berbentuk kuantitatif dan pengumpulan data melalui borang soal-selidik.
- Seramai 1131 orang responden terlibat yang terdiri daripada pelajar IPT dan IPTS di Lembah Klang.
- 7 buah universiti yang terlibat ialah :
  - a) Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
  - b) Universiti Putra Malaysia (UPM)
  - c) Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UITM)
  - d) Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)
  - e) Kolej Universiti Sunway; dan
  - f) Universiti Multimedia (MMU)

## **3.0 HALANGAN KAJIAN**

Antara halangan kajian ini ialah:

- a) Peruntukan kos projek dan kajian lapangan yang terhad berbanding jumlah pelajar IPT yang begitu ramai di seluruh negara
- b) Masa kajian yang diperuntukkan adalah terhad
- c) Jumlah sampel hanya 0.38 % dari keseluruhan pelajar IPTA dan IPTS seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak (370,864 orang).
- d) Sebilangan pelajar yang tidak berminat untuk menyertai soal-selidik kerana kajian ini mengambil masa yang lama mengikut pandangan mereka.
- e) Kemungkinan jawapan tidak difikirkan sedalam-dalamnya oleh pelajar sebelum diberi kepada penyelidik kerana tidak minat atau merasakan soal selidik membuang masa mereka.
- f) Tumpuan kajian ini diberikan di Lembah Klang sahaja dan kemungkinan tidak dapat mewakili sepenuhnya pelajar seluruh IPTA dan IPTS di Malaysia.

## **4.0 PENDEKATAN PENERAPAN RUKUN NEGARA**

Pelbagai program telah diadakan untuk menerapkan prinsip-prinsip Rukun Negara di dalam masyarakat Malaysia. Program-program ini secara langsung memberi penekanan kepada spek perpaduan nasonal dan secara tidak langsung telah menyentuh Rukun Negara samada sebagai topik utama mahupun topik sokongan.

### **a) Program Secara Umum**

- Media elektronik/cetak memaparkan dokumentari sejarah dan melaporkan mengenai Rukun Negara.
- Sekolah rendah/menengah melafazkan ikrar Rukun Negara sewaktu perhimpunan dan lukisan mural di dinding sekolah.
- Sebahagian daripada Subjek Sejarah SPM dan Pengajian Am STPM.
- Penubuhan Kelab Rukun Negara di IPT.
- Prinsip Rukun Negara dicetak di belakang sebilangan buku latihan.
- Semua acara dan perhimpunan rasmi jabatan kerajaan dimulakan lafaz Rukun Negara.
- Modul Latihan Khidmat Negara dimasukkan unsur-unsur kenegaraan.
- Kempen Penghayatan Rukun Negara oleh Kementerian Penerangan.
- Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) oleh KPM.
- Kempen Budi Bahasa oleh KEKKWA.
- Program Pembangunan Sukan Negara oleh KBS.

### **b) Program di Institusi Pengajian Tinggi Oleh Pelbagai Pihak**

- JPNIN menghasilkan Garis Panduan dan Peraturan Kelab Rukun Negara untuk digunakan di sekolah rendah/menengah/IPT.
- Pertandingan Pidato Kemerdekaan Peringkat IPT, Sambutan Ambang Merdeka Peringkat IPT dan lain-lain oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

### **c) Program Oleh Institusi Pengajian Tinggi**

- Sebahagian daripada subjek Malaysian Studies, Sains Politik, Sejarah, Undang-undang Perlembagaan Malaysia, Pendidikan Sivik, Falsafah Sains, Falsafah Pendidikan Bahasa Malaysia, Undang-undang Perniagaan *English Language Teaching* di IPT.

- Kem Bina Negara, kursus motivasi, ceramah dan kuiz kenegaraan, program kemerdekaan di IPT
- Persatuan/Kelab/Pertubuhan di IPT seperti The Law Society bagi Prinsip Kedaulatan Undang-undang, PALAPES bagi prinsip Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dan Kedaulatan Undang-Undang serta Kelab Penyayang untuk Prinsip Kesopanan dan Kesusahaian.
- Kelab Rukun Negara ditubuhkan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang berteraskan pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara di kalangan pelajar IPT.

## 5.0 PENEMUAN SOAL-SELIDIK

Tahap kemampuan **pemahaman** responden terhadap semua prinsip Rukun Negara adalah **tinggi** namun kemampuan **menghayati** dan keinginan mengamalkannya adalah **rendah**. Hal ini menunjukkan ianya belum sepenuhnya diaplifikasi dalam kehidupan responden dan perlu dipandang serius kerana mereka akan memikul tanggungjawab untuk memimpin generasi akan datang.

Lima kriteria yang mendapat markah **tertinggi** ialah kriteria di dalam **prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan** iaitu kriteria patuh kepada Tuhan diikuti dengan kriteria nikmat adalah kurniaan Tuhan, amal nilai murni, buat baik dibalas baik dan nilai rohaniah penting dalam memburu kemajuan. Manakala lima kriteria yang mendapat markah terendah ialah kriteria membantu kerajaan menguatkuasakan undang-undang diikuti dengan berkorban demi negara, mengetahui aspek perlumbangaan, undang-undang bertujuan mengawal keharmonian dan menyokong dasar-dasar kerajaan. Oleh demikian, cadangan-cadangan bagi mengukuhkan prinsip-prinsip Rukun Negara boleh dibuat bagi kriteria-kriteria yang mendapat markah terendah.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara amnya, walaupun pelbagai program telah ditawarkan bagi menerapkan prinsip-prinsip Rukun Negara di dalam jiwa pelajar melalui kaedah pemahaman, penghayatan dan pengamalan, usaha-usaha ini perlu disertai dengan inisiatif pelajar sendiri dalam menjadi seorang warganegara Malaysia yang cintakan negaranya, bersahsiah tinggi dan berdedikasi.

Hal ini adalah seiring dengan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu-padu, mempunyai masyarakat yang berkeyakinan, nilai moral dan etika yang kukuh, hidup secara demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil serta mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang berdaya saing berasaskan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara. Oleh demikian, dalam memupuk sebuah masyarakat maju yang masih mengekalkan nilai-nilai murni, berdisiplin, mempunyai semangat cintakan negara serta menghormati dasar-dasar negara, prinsip-prinsip Rukun Negara menjadi seharusnya menjadi amalan oleh semua rakyat Malaysia terutamanya golongan mahasiswa yang merupakan pemimpin generasi pada masa hadapan.

## **7.0 CADANGAN**

**a) Pengetahuan Asas Tentang Rukun Negara**

- Meningkatkan pengetahuan asas Rukun Negara, termasuk aspek sejarah pembentukannya diteruskan di semua peingkat pengajian

**b) Kemampuan Menghafal Rukun Negara**

- Mewujudkan aktiviti atau medium yang dapat dilihat untuk mengingatkan pelajar IPT tentang prinsip-prinsip Rukun Negara

**c) Program/Subjek Berkaitrapat dengan Rukun Negara**

- Perlu ada pendekatan tersusun oleh pihak universiti agar semua pelajar dapat mengetahui Rukun Negara

**d) Keinginan Mempelajari Rukun Negara**

- Penerangan tentang kepentingan Rukun Negara perlu disebarluaskan kepada pelajar IPT

**e) Hubungkait Prinsip Rukun Negara dalam Amalan Seharian**

- Menjadikan gari panduan dan Peraturan Kelab Rukun Negara yang diterbitkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai asas untuk mengaitkan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara secara menyeluruh dalam menyediakan aktiviti-aktiviti di universiti.
- Perlu ada penerangan jelas tentang hubungkait amalan sehari dengan prinsip-prinsip Rukun Negara
- Aktiviti-aktiviti yang berbentuk kekitaan dan Muhibbah perlu digalakkan seperti lawatan ke Rumah Anak Yatim dan Rumah Orang Tua

**f) Prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan**

- Pelajar IPT digalakkan untuk memahami tuntutan agama-agama lain agar perasaan curiga kepada upacara keagamaan lain dapat dikurangkan
- Amalan-amalan keagamaan yang dipraktiskan di universiti oleh pelajar IPT boleh dihubungkait dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan.
- Prinsip-prinsip moral yang balk perlu ditekankan dalam semua jurusan terutamanya sains dan teknologi, pembangunan fizikal dan pembangunan kewangan agar dapat melahirkan golongan profesional yang mempunyai sahsiah yang tinggi.
- Perasaan muhibbah dan mesra pelajar IPT boleh diwujudkan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti bersama-sama.

**g) Prinsip Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**

- Setiap pelajar IPT perlu diberi pendedahan tentang sejarah dan kepentingan sistem raja berpelembagaan dan sejarah pentadbiran Negara. Usaha-usaha meningkatkan nitai patriotisme dalam diri setiap pelajar perlu dijalankan oleh IPT dan program-program berkaitan perlu dijalankan sepanjang tahun.
- Setiap pelajar IPT perlu diberikan penerangan tentang dasar-dasar negara termasuk maklumat, strategi, kepentingan kepada negara dan mereka sendiri
- Setiap pelajar IPT perlu dijelaskan tentang risiko mengambil ringan tentang jatuh bangunnya negara kerana unsur-unsur ancaman boleh datang di dalam bentuk yang halus serta boleh mengancam negara pada bila-bila masa.

- Kokurikulum yang menyemai semangat cintakan negara contohnya seperti PALAPES dan Kesatria Negara perlu digalakkan di semua universiti termasuk di IPTS.
- Pihak-pihak luar seperti parti-parti politik boleh memainkan peranan dengan menjalankan program-program yang boleh menguatkan kesedaran pelajar IPT tentang kepentingan raja dan pentadbiran negara.

**h) Prinsip Keluhuran Perlembagaan**

- Usaha-usaha untuk memberi pendedahan tentang peruntukan pedembagaan negara dan tanggungjawab sebagai warga negara di kalangan pelajar IPT perlu diteruskan dengan pelbagai kaedah pendekatan.
- IPT dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia perlu mengadakan kempen-kempen kesedaran kepentingan mengundi kepada pelajar kerana mengundi merupakan tanggungjawab individu kepada negaranya.

**i) Prinsip Kedaulatan Undang-Undang**

- Pelbagai aktiviti dengan pelbagai pihak diperlukan untuk memantapkan pengisian pelajar tentang tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar
- Pihak Polis dan jabatan-jabatan yang melaksanakan undang-undang negara perlu mendekati pelajar IPT untuk menanamkan rasa tanggungjawab kepada kedaulatan undang-undang di kalangan mereka.
- Setiap pelajar IPT perlu dijelaskan tentang risiko melanggari undang-undang dan bagaimana ianya akan memberi kesan kepada perpaduan dan keselamatan negara

**j) Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan**

- Pelbagai program perlu dilakukan bagi mewujudkan perasaan muhibbah dan mesra bagi pelajar IPT tidak mengira wama kulit, keturunan, agama dan kepercayaan kepada mereka.